

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI  
[DUNGUN]**

**TARIKH : 10 JUN 2015 (RABU)**

**SOALAN :**

**Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [ Dungun ] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah rakyat Malaysia yang bekerja dan bermastautin di luar negara mengikut kepakaran dan nyatakan sektor atau sebab kenapa mereka cenderung untuk berkhidmat di luar negara.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Mengikut Laporan *Malaysia Economic Monitor: Brain Drain* yang diterbitkan oleh Bank Dunia pada April tahun 2011, kira-kira satu juta rakyat Malaysia sedang menetap di luar negara, di mana seorang daripada setiap tiga yang bekerja di luar negara berkepakaran tinggi.

2. Berdasarkan laporan tersebut juga, antara faktor yang dikenalpasti menyebabkan migrasi rakyat Malaysia ke luar negara adalah kerana:

- i. Perbezaan struktur dan kadar gaji serta faedah imbuhan yang tinggi di mana menjadi tarikan utama mereka untuk terus menetap di luar negara;
- ii. Kekurangan peluang kemajuan kerja dan pengiktirafan prestasi kerja; dan
- iii. Perbezaan kualiti taraf hidup.

3. Walau bagaimanapun, memahami bahawa dunia kini tanpa sempadan, Kerajaan tidak berhasrat menghalang keinginan dan keupayaan seseorang untuk bermigrasi ke negara yang berpendapatan tinggi. Pada masa yang sama, Kerajaan akan terus berusaha untuk menggunakan fenomena ini untuk manfaat negara, selaras dengan rumusan Laporan Bank Dunia tersebut yang menyatakan, dengan izin "*Brain drain is a wave to be ridden, not a tide to be turned*". Ini adalah memandangkan pemindahan pengetahuan di antara negara asal dan negara destinasi akan menyumbang kepada peningkatan dalam bidang sains dan teknologi dan rangkaian perniagaan yang mantap, seterusnya

meningkatkan aliran perdagangan dan pelaburan asing di sesebuah negara. Justeru, fenomena emigrasi modal insan mempunyai potensi positif terhadap sesebuah negara, khususnya dalam menarik pulang rakyat Malaysia yang berkepakaran tinggi serta membina jaringan pasaran sebagai saluran untuk mempromosi produk dan perkhidmatan Malaysia di luar negara.

4. Komitmen Kerajaan dalam melaksanakan agenda transformasi dan pembangunan negara melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) juga telah menarik minat rakyat Malaysia di luar negara untuk pulang ke tanahair. Antara lain, GTP berperanan dalam meningkatkan kualiti hidup rakyat. Di samping itu, ETP memberi tumpuan kepada penyediaan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi.

5. Sehubungan ini, Kerajaan melalui TalentCorp akan terus berusaha untuk bekerjasama dengan syarikat tempatan dalam membina jaringan profesional bersama mereka yang menetap di luar negara untuk mengetengahkan peluang-peluang pekerjaan yang ada serta untuk memanfaatkan (*leverage*) perkongsian pengetahuan dan kepakaran rakyat Malaysia di luar negara yang berhasrat untuk menyumbang kepada negara walau di mana mereka berada.

6. Dalam masa yang sama, *Returning Expert Programme* (REP) akan terus dilaksanakan untuk memudahcara kepulangan tenaga professional Malaysia di luar negara untuk kembali berkhidmat dalam Negara dan memenuhi kehendak industri sebagaimana yang disasarkan melalui ETP.

Sekian, terima kasih.